



BAB 2 : PENGHASILAN PRODUK (2.1.10)

1. Padankan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul. [5 markah]

a Halaman ini untuk memberikan pujian dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan bantuan secara langsung dan tidak langsung semasa proses menghasilkan produk.

Penutup

b Mengandungi maklumat yang diperolehi daripada situasi permasalahan, kajian keperluan pelanggan, penyelesaian masalah inventif dan projek *brief*.

Lampiran

c Memaparkan anggaran jangka masa yang ditetapkan bagi menyiapkan projek.

Jadual kerja

d Memuatkan harapan pereka bentuk terhadap produk yang dihasilkan agar mampu mencapai objektif penghasilannya.

Penghargaan

e Semua bahan dan rujukan yang digunakan dalam reka bentuk produk dimasukkan ke bahagian ini.

Pengenalan

2. Berikut adalah kepentingan dokumentasi projek. [3 markah]

A	Rujukan dan penyelidikan
B	Bukti rekaan
C	Paten

Padankan kepentingan dokumentasi projek dengan penerangan yang betul dengan menulis A, B dan C pada ruang jawapan yang disediakan.

Penerangan	Jawapan
Permohonan perlindungan atas produk yang dihasilkan.	
Inovasi atau melakukan Penyelidikan dan Pembangunan.	
Hasil reka sendiri dengan pelbagai maklumat.	